



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

NAMA KURSUS : BAHAN DALAM REKABENTUK DALAMAN
KOD KURSUS : DRD1073
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 14 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Kayu gred A (kayu keras dan berat) sesuai digunakan sebagai
 - A Panel hiasan, venir, papan lapis dan perabot
 - B Kapal, rangka, ukiran, jambatan dan landasan
 - C Parket, almari, cerucuk, pemegang alatan dan kekuda
 - D Pintu, tingkap, siling, perabot, pensel dan bingkai gambar

2. *“Papan ini terdiri daripada satu lapisan venir plastik pvc dilapikkan pada kepingan papan lapis. Lapisan plastik ini dihasilkan dari urea atau melamin. Mempunyai pelbagai corak dan warna pilihan, bersifat tahan lasak, kalis air, tahan panas dan senang dibersihkan.”*

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah jenis papan tersebut?

- A Papan lapis
 - B Papan gipsum
 - C Papan gentian
 - D Papan lapis vinil

3. Antara berikut, yang manakah merupakan logam ferus?
 - A Zink
 - B Timah
 - C Aluminium
 - D Besi tempa

4. Antara berikut, yang manakah merupakan logam bukan ferus?
 - A Keluli
 - B Besi waja
 - C Tembaga
 - D Besi tempa

Soalan 5, 6 dan 7 adalah berdasarkan **Jadual 1** di bawah:

JENIS KACA	CAHAYA TERUS	CAHAYA RESAP
4mm KACA JERNIH	92%	X
6mm KACA JERNIH	90%	85%
6mm KACA KILAT DAN BERWAYAR	80%	Y
KACA BERCORAK	-	80%
6mm KACA GEORGIAN	-	75%
ARKILIK / PERSPEKS	Z	85%

Jadual 1

5. Berapakah nilai yang bertanda **X**.
- A 77%
 - B 78%
 - C 87%
 - D 88%
6. Peratus cahaya resap pada tanda **Y** ialah
- A 77%
 - B 78%
 - C 85%
 - D 92%
7. Berapakah peratus cahaya resap pada tanda **Z**?
- A 77%
 - B 78%
 - C 87%
 - D 92%

8. *“Bahan Plastik kategori ini terdiri daripada bahan utama polimer adalah Polypropylene (PP). Ianya digunakan secara meluas sebagai botol susu bayi bekas makanan, tutup botol, botol ubat dan komponen kenderaan.”.*

Berdasarkan pada pernyataan di atas, nyatakan kategori kelas bagi plastik tersebut.

- A Plastik kelas 1
 - B Plastik kelas 2
 - C Plastik kelas 3
 - D Plastik kelas 5
9. Antara berikut, yang manakah merupakan plastik pengerasan tindak balas kimia (*Thermosetting*)?
- A Melamin
 - B Polisterina
 - C Polietelina
 - D *Acrylonitril-butadien-stiren (ABS)*


10.

- *Kemasan lantai jenis ini merupakan suatu bentuk konkrit terdiri daripada bahan seperti simen portland, pasir dan agregat kepingan halus batuan marmar atau kuarza (quartz).*
- *Kemasan jenis ini dihasilkan secara pra-tuang atau secara in-situ.*
- *Selepas pemasangan bancuhan kemasan ini menjadi keras, permukaannya akan digilap dengan menggunakan mesin penggilap lantai (floor polisher).*

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Mozek
- B Terazo
- C Jubin simen
- D Jubin seramik

Soalan 11,12 dan 13 adalah berdasarkan **Rajah 1** di bawah:



Rajah 1


11. Bahagian yang bertanda **X** ialah
- A Jubin mula
 - B Pelapik jubin
 - C Jubin panduan
 - D Jubin aras tanda.
12. Apakah bahagian yang bertanda **Y**?
- A Kayu lapik
 - B Jubin mula
 - C Logam aras
 - D Garis panduan
13. Namakan bahagian bertanda **Z**.
- A Kayu lapik
 - B Jubin mula
 - C Logam aras
 - D Garis panduan

14. “Merupakan satu kepingan kecil karpét dan berspan pada bahagian bawah karpét. Fungsi utama bahan ini adalah melindungi karpét daripada sebarang kerosakan fizikal karpét seperti kedutan, lipatan karpét, peletakan beban pada permukaan karpét, lalu-lintas yang aktif dan lain-lain lagi”.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah nama bahan tersebut?

- A *Frieze*
- B *Padding*
- C *Cut loop*
- D *Level loop*

Soalan 15,16 dan 17 adalah berdasarkan **Rajah 2** di bawah:




Rajah 2

15. Lapisan yang bertanda i dikenali sebagai
- A Lapisan kemasan atau *tread layer*
 - B Lapisan corak atau *decorative layer*
 - C Lapisan alas bawah atau *bottom layer*
 - D Lapisan teras gentian papan atau *fibreboard core*

16. Apakah bahan utama bagi bahagian yang bertanda **ii**?
- A PVC
 - B Gypsum
 - C Kayu padu
 - D Papan lapis
17. Namakan bahagian yang bertanda **iii**.
- A Lapisan kemasan atau *tread layer*
 - B Lapisan corak atau *decorative layer*
 - C Lapisan alas bawah atau *bottom layer*
 - D Lapisan teras gentian papan atau *fibreboard core*
18. “Merupakan fabrik yang lembut, kuat dan sangat tahan lama, kain ini memberikan kehangatan dan penampilan menarik. Fabrik jenis ini tidak mudah kedut dan kotor”.
- Berdasarkan pernyataan di atas, apakah jenis kain tersebut?
- A Kain *wool*
 - B Kain linen
 - C Kain sutera
 - D Kain rami atau jut

Soalan 19 dan 20 adalah berdasarkan **Rajah 3** di bawah:



Rajah 3

19. Namakan peralatan yang bertanda i.

- A Pita ukur
- B Pisau utiliti
- C *Plastic smoother*
- D *Putty knife/ pengikis*

20. Peralatan yang bertanda ii adalah

- A Pita ukur
- B Pisau utiliti
- C *Plastic smoother*
- D *Putty knife / pengikis*

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

- a. Kayu sering digunakan untuk kemasan lantai ruang dalaman. Kemasan lantai kayu dipanggil *parquet*. Berdasarkan gambar di bawah, nyatakan jenis susunan *parquet* berikut.


i.




ii.



iii.



iv.



v.



(5 markah)

- b. Bandingkan **lima (5)** kriteria kayu jenis lembut (*Softwood*) dan keras (*Hardwood*).
(10 markah)

SOALAN 2

Kaca merupakan salah satu elemen penting pada bangunan. Fungsi kaca selain untuk pencahayaan, ia juga merupakan sebahagian dari nilai estetika sesebuah bangunan.

a. Senaraikan **empat (4)** bahan utama yang digunakan dalam pembuatan kaca.

(4 markah)

b. Nyatakan jenis kaca berikut.


i.



ii.



iii.



(3 markah)

c. Jelaskan **dua (2)** jenis kaca dibawah :

i) Kaca apung

(2 markah)

ii) Kaca warna

(2 markah)

d. Nyatakan **empat (4)** sifat am kaca.

(4 markah)

SOALAN 3

Jubin (*tile*) berfungsi menjadi kemasan serta pelindung lantai, dinding, bumbung dan permukaan atas perabot.

- a. Gambar di bawah merupakan antara jenis profil bahagian atas kaunter (*counter top edges profile*) yang biasa digunakan pada *marble*, *quartz* dan *granite*. Namakan jenis profil berikut.

i.



ii.



iii.



(3 markah)

- b. Terdapat banyak jenis jubin yang digunakan dalam reka bentuk dalaman bangunan. Nyatakan **empat (4)** jenis jubin yang berbeza.

(4 markah)

- c. Nyatakan kelebihan dan kelemahan penggunaan jubin dalam reka bentuk dalaman.

(8 markah)


SOALAN 4

a. Jelaskan maksud:

- i. *Fabric*
- ii. *Upholstery*
- iii. *Soft furnishing*

(3 markah)

b. Penting bagi seorang perekabentuk dalaman untuk mempunyai pemahaman mengenai asas-asas pembinaan sofa. Nyatakan komponen mengikut label diberi pada **Gambarajah 1** di bawah.



Gambarajah 1

(6 markah)

c. Berikan **satu (1)** fabrik yang terbaik untuk *upholstery sofa* dan **lima (5)** sebab mengapa ia menjadi pilihan terbaik?

(6 markah)

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **DUA (2)** soalan pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

Berdasarkan **Gambarajah 2** di bawah. Huraikan mengikut pemerhatian anda.



Gambarajah 2

- a. Kenal pasti ruang dan konsep bagi **Gambarajah 2**.

(2 markah)

- b. Terangkan jenis bahan yang digunakan pada lantai, dinding, siling dan perabot pada **Gambarajah 2**.

(4 markah)

- c. Melalui pemerhatian anda, nyatakan teknik pemasangan bahan pada lantai, dinding, siling dan perabot mengikut istilah.

(4 markah)

SOALAN 2

Karpet adalah antara kemasam yang selalu digunakan pada permukaan lantai atau dinding dalaman bangunan.

a. Nyatakan definisi karpet.

(2 markah)

b. Terangkan jenis karpet *Loop pile carpet* berserta lakaran.

(8 markah)

SOALAN 3

Cadangkan bahan atau material yang sesuai untuk lantai bagi ruangan berikut dan beri alasan mengapa anda memilih bahan tersebut.

- a. Auditorium
- b. Ruang makan restoran
- c. Wad hospital
- d. Studio latihan muzik
- e. Ruangan kanak-kanak

(10 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT